

22/10/2002

MSC tidak wajar dibanding Lembah Silikon, Hitec-City

Abdul Halim Yusoff; Magendran Rajagopal

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) ialah pembangunan unik yang tidak dibandingkan dengan Lembah Silikon di Amerika Syarikat atau Hitec-City di Hyderabad, India, kata Ketua Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun.

"Kami tidak meletakkan tanda aras pembangunan koridor multimedia yang lain untuk dibandingkan dengan MSC. Sebaliknya tanda aras bagi pembangunan MSC ialah pencapaiannya sendiri.

"MSC dengan lebih 700 syarikat beroperasi di Cyberjaya yang 60 peratus daripadanya adalah syarikat tempatan, mencapai tahapnya sekarang satu setengah tahun lebih awal daripada sasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas lawatan menteri kabinet yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Pusat Aplikasi Perdana MSC dan Pusat Bagi Inovasi Kesihatan dan Perusahaan Perubatan (Chime) di Cyberjaya, semalam.

Mohamed Arif berkata, MSC yang berpangkalan di Cyberjaya tidak wajar dibandingkan dengan pembangunan seumpamanya di tempat lain.

Ini kerana pembangunan MSC ialah unik dan membabitkan pakej komprehensif meliputi prasarana sumber manusia serta telekomunikasi.

Pusat Aplikasi Perdana MSC dan Chime ditubuhkan sebagai pusat kecemerlangan dengan persekitaran unik untuk memangkin pertumbuhan dan mempelbagaikan aplikasi kreatif.

Ia antara lain bertujuan memudahkan penyepaduan operasi dan saling beroperasi serta menjaga pertumbuhan perusahaan dan industri tele-kesihatan di Malaysia.

"Kedua-dua pusat ini ditubuhkan untuk menjadi pusat inovasi global bagi memacu inisiatif MSC," katanya sambil menambah penyedia penyelesaian daripada sektor awam dan swasta boleh memanfaatkan sepenuhnya kemudahan di pusat itu.

Dengan memanfaatkan kreativiti dan teknologi, dua komponen utama Pusat Aplikasi Perdana MSC adalah MSC Labs dan Pusat Pembangunan Aplikasi Kreatif (CADC).

Mohamed Arif berkata, objektif MSC Labs termasuk menyediakan platform memasarkan penyelesaian MSC seperti Aplikasi Perdana MSC.

Sementara CADC, yang dibangunkan bersama Silicon Graphics Inc menyediakan tiga perkhidmatan penyepaduan dengan keupayaan interaksi penuh meliputi perkomputeran berkeupayaan tinggi, rangkaian kawasan visual dan kemudahan persembahan.

Antara tarikan utama CADC ialah pusat realiti maya MSC, yang membolehkan komputer grafik dan elemen alpha-numerik digabungkan bagi membolehkan pemahaman mendalam untuk rekaan kejuruteraan serta aplikasi pendidikan serta hiburan.

"Kemudahan di pusat ini akan membantu perusahaan tempatan dalam industri minyak dan gas, pembuatan dan media melaksanakan projek lebih kompleks dan bertaraf antarabangsa serta mewujudkan kepakaran dalam bidang baru," katanya.

Sementara pembangunan Chime pula, katanya, untuk menjadikan Malaysia sebagai penyedia produk dan perkhidmatan tele-kesihatan serantau.

Pusat Aplikasi Perdana MSC dan Chime dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika Mesyuarat IAP ke-6 pada 6 September lalu.

Jumlah syarikat berstatus MSC kini adalah 745, termasuk 53 bertaraf dunia.

